

Fahami Islam Sebagai Sistem Kehidupan Menyeluruh: Penasihat KM Sabah Bernama
30 Disember , 2011

TAWAU, 30 Dis (Bernama) -- Umat Islam perlu memahami dan menghayati ajaran Islam sebagai sistem hidup menyeluruh, merangkumi tuntutan menimba ilmu dan membina tamadun, kata Datuk Syed Abas Syed Ali, Penasihat Sains dan Teknologi kepada Ketua Menteri Sabah.

Beliau berkata melalui cara itu umat Islam dan banyak negara Islam yang jelas masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek boleh membangun dan membina tamadun tinggi seperti yang pernah dicapai pada masa lampau.

"Ketamadunan bagi kita umat Islam bukanlah perkara baru dan asing. Sejarah telah membuktikan bahawa umat Islam telah berjaya mengubah kegelapan dunia dan bersifat jahiliah kepada dunia yang beradab, berakhlak dan berilmu pengetahuan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah," katanya ketika berucap pada program rakaman Forum Perdana Ehwat Islam di Dewan Masyarakat Tawau malam tadi, mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Forum berkenaan dianjurkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Syed Abas, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Balung, berkata tuntutan membina tamadun ummah pada hari ini merupakan satu kemestian kerana membiarkan umat Islam mundur dan ketinggalan bertentangan sama sekali dengan perintah Allah yang disebut dalam al-Quran.

Katanya kerajaan yang diterajui Barisan Nasional hari ini sedang berusaha mengembalikan semula kegemilangan tamadun umat Islam yang dibina berasaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Syed Abas berkata langkah berkenaan merupakan pendekatan bagi mewujudkan persepsi positif bahawa Islam dan umatnya cintakan kedamaian, kesederhanaan, ilmu pengetahuan dan nilai-nilai murni.

"Kita menolak dan menafikan bahawa umat Islam ialah umat yang ganas, berfikiran jumud, fanatik dan taksub serta tidak mahu mendengar pandangan orang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637193>

